

10H8M AFRIKA SELATAN



MENAIKI CABLE CAR MENUJU KE PUNCAK TABLE MT. YANG DIBINA SEJAK 929, HANYA 5 MINIT UNTUK TIBA DI PUNCAK, PENGUNJUNG DAPAT MENIKMATI PANORAMA 360 DARJAH KOTA TEPI LAUT DAN BANDAR CAPE TOWN DARI KETINGGIAN 1000M DARI ARAS LAUT.

10H8M AFRIKA SELATAN



HARI 01 KUALA LUMPUR - MAURITIUS - CAPE TOWN

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Capetown. Transit di Mauritius (Sir Seewoosagur Ramgoolam International Airport) Tiba di Cape Town dan bergerak ke hotel. Bermalam di **Cape Town**.

HARI 02 CAPE TOWN

SP/MT/MM

Lawatan di **Cape Town**:

- **Table Mountain Aerial Cable Way**: Menaiki cable car menuju ke puncak Table Mt. yang dibina sejak 1929, Hanya 5 minit untuk tiba di puncak, pengunjung dapat menikmati panorama 360 darjah kota tepi laut dan bandar Cape Town dari ketinggian 1000m dari aras laut. Aktiviti ini dapat dilakukan sekiranya cuaca mengizinkan.
- Melawat **Bo-Kaap Museum** di Bo-Kaap, terkenal dengan rumah berwarna-warni dan komuniti Cape Malay yang mengekalkan budaya Melayu.
- **Kirstenbosch Botanical Gardens** ialah Taman Botani Negara sejak 1913, terletak di lereng timur Table Mountain. Ia menempatkan ribuan spesies flora dan boleh diterokai melalui **Centenary Tree Canopy Walkway**.
- Melawat **Diamond Factory** untuk melihat pembuatan dan ukiran batu berlian.

Bermalam di **Cape Town**.

HARI 03 CAPE TOWN

SP/MT/MM

- Melawat **Cape Peninsula**, menikmati pemandangan indah Sea Point, Clifton Beach, Llandudno, serta bergambar di Camps Bay dan Hout Bay, dengan latar belakang pergunungan Twelve Apostles.
- **Circe Seal Island Cruise**: Menaiki bot untuk menikmati pemandangan hutan Kelp dan hidupan laut di Pulau Duiker/ Pulau Seal. Pengunjung juga dapat melihat lebih dekat anjing laut dan habitat semulajadinya.
- **Chapman's Peak** terletak di antara Noordhoek dan Hout Bay. Ia menawarkan pemandangan 180 darjah yang menakjubkan, dan pengunjung boleh berhenti untuk bergambar di puncaknya.
- **Cape of Good Hope Nature Reserve** terkenal dengan pantai yang masih terpelihara dan hidupan liar seperti anjing laut, penguin, dan pelbagai burung laut. Perairannya juga menjadi lokasi terbaik untuk melihat paus Southern Right Whale semasa musim migrasi.
- **Boulders Beach Penguins** terkenal dengan koloni penguin Afrika yang tinggal di kawasan pantai berpasir dan batu granit. Pengunjung boleh melihat penguin secara dekat dalam habitat semula jadi mereka sambil menikmati pemandangan pantai yang cantik.

Bermalam di **Cape Town**.

HARI 04 CAPE TOWN - HERMANUS - KNYSNA

SP/MT/MM

Bergerak ke Hermanus.

- **Abalone Farm**: ialah ladang penternakan abalone terkenal di Hermanus. Pengunjung boleh mempelajari proses penternakan, melihat fasiliti pemprosesan, dan merasai hidangan laut segar tempatan.
- **Hermanus**: Masa bebas di Hermanus Bay sebuah bandar di pantai yang mempunyai infrastruktur moden dan juga kedai- kedai mewah. Pengunjung boleh melihat ikan paus berenang bebas, dan antara bulan Jun hingga November, paus Southern Right Whale, Bryde, dan Humpback datang ke teluk untuk membiak.

Bermalam di **Knysna**.

HARI 05 KNYSNA - OUDTSHOORN - KNYSNA

SP/MT/MM

Bergerak ke **Oudtshoorn**.

- **Cango Caves Heritage Tour**: Salah satu keajaiban semula jadi paling terkenal di Afrika Selatan. Gua batu kapur ini menampilkan formasi stalaktit dan stalagmit yang mengagumkan, dengan lawatan berpandu yang memberikan penerangan tentang sejarah geologi serta ruang bawah tanahnya yang menakjubkan.
- Melawat **Ostrich Farm** yang dikenali sebagai "Ostrich Capital of the World", dan lihat burung unta secara dekat. Pengunjung boleh mempelajari proses penternakan serta mengetahui kegunaan produk seperti telur, bulu dan kulit burung unta.

Bergerak ke **Knysna**.

- Menaiki salah satu **Knysna Lagoon Cruise** dan nikmati perjalanan santai di sepanjang Knysna Lagoon, dengan pemandangan menakjubkan ke Knysna Heads, hutan sekitarnya, dan kawasan tepi laut.

Bermalam di **Knysna**.

HARI 06 KNYSNA - JOHANNESBURG - GAME LODGE

SP/MM

Menaiki penerbangan domestic ke Johannesburg.

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Johannesburg dan bergerak ke Game Lodge.

Lawatan di **Game Lodge** pada waktu petang:

- **Game Lodge**: Menawarkan pengalaman safari yang luar biasa. Lodge ini menyediakan persekitaran yang selesa dan mewah, di mana pengunjung dapat menikmati pemandangan semulajadi sambil menyaksikan pelbagai haiwan liar, termasuk Big Five (singa, gajah, kerbau, harimau, dan badak).

Bermalam di **Game Lodge**.

HARI 07 GAME LODGE

SP/MT/MM

Melawat sekitar **Game Lodge** untuk kali kedua bagi melihat haiwan-haiwan diurnal yang aktif pada waktu pagi.

Bermalam di **Game Lodge**.

HARI 08 GAME LODGE - PRETORIA - JOHANNESBURG

SP/MT/MM

Bergerak ke Johannesburg melalui Pretoria.

Lawatan di **Johannesburg**:

- Bergambar di **Union Buildings**, bangunan rasmi kerajaan yang menjadi pejabat Presiden Afrika Selatan, terkenal dengan seni bina klasik, taman luas, dan pemandangan indah bandar Pretoria.
- Menghayati seni bina bangunan lama yang mengelilingi **Church Square**, yang direka oleh William Hawke, merupakan pengalaman melihat bangunan penting dari segi sejarah dan seni bina.
- Singgah bergambar di **Voortrekker Monument**, tapak warisan sejarah Afrika Selatan yang menjadi simbol perjuangan etnik Afrikaans dalam mengasaskan tanah air mereka.
- **Mall of Africa**: ialah pusat membeli-belah utama di Waterfall City, Midrand, Gauteng dan antara yang terbesar di Afrika, menempatkan lebih 300 kedai serta pelbagai pilihan restoran dan hiburan.

Bermalam di **Johannesburg**.

HARI 09 JOHANNESBURG - MAURITIUS

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. Transit di Mauritius.

HARI 10 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur

PERTUKARAN MATA WANG



USD 1 =
MYR 4.70



RAND R1 =
MYR 0.25



PERBEZAAN WAKTU

South Africa: GMT+6
Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



KIRSTENBOSCH BOTANICAL GARDENS

Taman Botani Negara yang diiktiraf sebagai salah di dunia sejak tahun 1913 lagi. Ianya terletak di lereng timur Table Mountain Cape Town.

2.



CIRCE SEAL ISLAND CRUISE

Keajaiban semula jadi yang memukau dengan stalactites, stalagmites, dan formasi batu menghiasi dinding gua. Terbentuk sejak berjuta-juta tahun lampau memenuhi pelbagai tahap pengembaraan mengenai geologi, sejarah, dan cerita rakyat menarik.

3.



CANGO WILDLIFE CAVES

Pelayaran Cruise antara 40-60 minit dengan menaiki Calypso, pengunjung dapat melihat hutan kelp & hidupan laut di Pulau Duiker/Pulau Seal. Tetamu berpeluang untuk melihat anjing laut secara dekat di persekitaran semulajadi mereka.

4.



CHAPMAN'S PEAK

Pantai berbatu Puncak Chapman menawarkan pemandangan 180 darjah, pengunjung boleh berhenti dan mengambil gambar pemandangan yang sangat indah.

Hotel Penginapan

3★ Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Cape Town		3 Mlm
Knysna		2 Mlm
Game Lodge		2 Mlm
Johannesburg		1 Mlm

Jadual Penerbangan

AIR MAURITIUS

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MK 647	KUL - MRU	1250	1600
1	MK 843	MRU - CPT	1745	2150
9	MK 852	JNB - MRU	1310	1910
9	MK 646	MRU - KUL	2250	1010+1

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Bayaran masuk ke tempat lawatan mengikut aturcara :
 - Mabula Game Lodge
 - Ostrich Ranch, Cango Caves
 - Table Mountain Aerial Cable Way
 - Kirstenbosch Botanical Gardens
 - Circe Seal Island Cruise, Knysna Lagoon Cruise
 - Cape Funicular Return Cable Car
 - Hermanus Whale Cruises
 - Bo-Kaap and Malay Quarters
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk Pakej Afrika Selatan